

22 APR 1997

KILANG PERCETAKAN DI BANGI MULA OPERASI SEPTEMBER INI

KUALA LUMPUR, 22 April -- Kilang percetakan baru Kumpulan Utusan, yang terletak di Bangi, dijangka mula beroperasi dalam bulan September atau Oktober ini.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Kamarul Ariffin berkata kilang bernilai RM100 juta yang dilengkapi dengan mesin cetak yang termoden itu, akan menjadi sebuah kilang percetakan yang terancang di rantau ini.

Kamarul berkata pekerja-pekerja telah pun mula dilatih menggunakan mesin-mesin baru di kilang itu.

"Sebanyak RM30 juta telah dibelanjakan untuk membeli mesin-mesin baru di kilang itu," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan ke-29 kumpulan itu.

Kamarul berkata kilang baru itu dijangka mula menyumbang kepada keuntungan Kumpulan Utusan setelah beroperasi antara lapan hingga sepuluh tahun.

Menurut Kamarul, Kumpulan Utusan juga sedang menyelaraskan tiga anak syarikatnya, iaitu Utusan Printcorp Sdn Bhd, Utusan Binders Sdn Bhd dan Utusan Security Printers Sdn Bhd.

Kira-kira RM10 juta akan dibelanjakan dalam proses penyelarasan yang sedang berjalan itu termasuk pembelian mesin-mesin baru bagi anak-anak syarikat itu, katanya.

Kamarul juga berkata Kumpulan Utusan sedang menyiapkan CD-ROM bertajuk PRESIDEN yang membabitkan lima pemimpin Malaysia, iaitu Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, dua daripadanya, iaitu Datuk Onn Jaafar dan Tunku Abdul Rahman dijangka dilancarkan dalam bulan Mei ini manakala dua lagi, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn dijangka siap sebelum akhir tahun ini.

Kumpulan Utusan juga akan mengadakan beberapa lagi projek CD-ROM di masa akan datang, katanya.

Kumpulan Utusan mencatat perolehan yang meningkat 15.6 peratus kepada RM261.2 juta bagi tahun kewangan 1996 daripada RM226.0 juta pada tahun kewangan 1995 manakala keuntungan sebelum cukainya pula meningkat 81.3 peratus kepada RM11.6 juta daripada RM6.4 juta sebelumnya. -- BERNAMA

DAB MA